

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]
TARIKH : 19 MAC 2015
SOALAN :

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian akan mengkaji semula cadangan untuk membesarkan Hospital Kapit bagi menampung kesesakan; dan
- (b) meneliti aduan orang awam berkenaan dengan waktu menunggu sebelum mendapatkan rawatan yang lama terutama sekali selepas waktu bekerja

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Kapit yang berkapasiti 134 buah katil telah beroperasi sejak tahun 1960 bermula dengan sebuah Hospital Tanpa Pakar dan dinaiktaraf kepada Hospital Pakar Minor sejak tahun 2006. Ia menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada 120,000 penduduk di sekitarnya. Kadar Penggunaan Katil atau Bed Occupancy Rate (BOR) adalah sebanyak 45% pada tahun 2013 dan 49% pada tahun 2014.

Cadangan bagi menaiktaraf fasiliti Hospital Kapit telah dikenalpasti oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam RMK-10 bagi menambahbaik perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada penduduk di Kapit. Walau bagaimanapun, pelaksanaan cadangan ini akan dilaksanakan secara berperingkat memandangkan peruntukan yang terhad.

Sepanjang RMK-10, beberapa kerja naiktaraf telah dilaksanakan di Hospital Kapit, di antaranya adalah:

1. Kerja menaiktaraf sistem kejuruteraan hospital seperti sistem elektrik di unit penjagaan rapi;
2. Kerja menaiktaraf sistem gas perubatan; dan
3. Kerja menaiktaraf tangki air dan GI pipe system.

Sehubungan itu, dengan mengambilkira keupayaan kewangan Kerajaan, permohonan menaiktaraf Hospital Kapit (penambahan blok klinikal tambahan dan menaiktaraf wad sedia ada) akan dikemukakan semula sebagai salah sebuah projek keutamaan dalam RMK-11 akan datang (*Rolling Plan 2*).

Tuan Yang di-Pertua,

b) KKM telah menetapkan sasaran masa menunggu bermula dari pesakit mendaftar sehingga berjumpa doktor di klinik-klinik dalam hospital adalah dalam masa 90 minit. Dengan sasaran demikian, tempoh waktu menunggu untuk mendapatkan rawatan sentiasa dipantau dan pelbagai usaha turut dilaksanakan bagi memastikan

sasaran tersebut tercapai sekaligus mengatasi mengurangkan masalah waktu menunggu yang lama di kalangan pesakit.

Terdapat beberapa usaha Kementerian yang responsif terhadap keperluan rakyat mendapatkan rawatan selepas waktu bekerja iaitu:

- 1) Memanjangkan waktu operasi klinik kesihatan, Klinik 1Malaysia dan Jabatan Pesakit Luar Am hospital sehingga jam 9 malam atau 12 malam untuk pesakit luar. Malah pertumbuhan Klinik 1Malaysia dapat mengurangkan lambakan pesakit di hospital dengan menawarkan rawatan ringan;
- 2) Pengoperasian 24 jam Jabatan Kecemasan dan Trauma di semua hospital KKM dengan amalan sistem saringan "Triage" mampu memberi rawatan yang cepat berdasarkan tahap kritikal pesakit; dan
- 3) Menambah bilangan pegawai perubatan, bilik konsultasi dan perkhidmatan farmasi selepas waktu bekerja demi mengatasi waktu menunggu yang lama.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah lain yang telah diambil untuk mengurangkan tempoh menunggu di klinik-klinik pakar di hospital serta klinik-klinik dan hospital yang lain di seluruh Malaysia adalah seperti berikut:-

- i. Memperkenalkan sistem temujanji secara berperingkat (*block scheduling system*) di mana pesakit dikehendaki datang pada

- masa-masa tertentu, bukan pada masa yang sama bagi semua pesakit agar dapat mengurangkan kesesakan klinik;
- ii. Bagi pesakit warga emas dan pesakit kurang upaya, pihak hospital telah menyediakan laluan khas atau *fast lane* agar dapat diberikan keutamaan;
 - iii. Memberi temujanji berasingan untuk ujian darah di mana tarikh darah diberikan 1-2 minggu sebelum tarikh temujanji berjumpa pegawai perubatan;
 - iv. Bagi kes-kes ulangan, rekod perubatan pesakit disediakan terlebih dahulu sebelum tarikh temujanji; dan
 - v. "*Redeployment of doctors*" ke klinik-klinik pada waktu puncak.

Pemantauan waktu menunggu di Jabatan Pesakit Luar Am hospital melalui sistem e-masa menunjukkan masa menunggu untuk pesakit mendapatkan rawatan adalah bertambah baik di mana pada tahun 2011, 2012, 2013 dan 2014 sebanyak 65.41%, 97.82%, 79.6% dan 80.4% daripada pesakit mendapat rawatan kurang daripada 30 minit.

Pihak Kerajaan sentiasa mendengar aduan rakyat malah mengalu-alukan pendapat orang awam demi menaiktaraf penyampaian sistem kesihatan.